

R 6131 BAH
MAHATHIR - KESEDAR

GUA MUSANG, 24 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGESYORKAN SUPAYA LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR) MEMAJUKAN KAWASAN-KAWASAN BUKIT DENGAN TANAMAN SAYURAN DAN BUNGA UNTUK MENAMBAHKAN PENDAPATAN PENDUDUK SETEMPAT.

PERDANA MENTERI BERKATA, LEMBAGA ITU PATUT MEMBERI TUMPUAN KEPADA PEMBANGUNAN KAWASAN BUKIT KERANA IA JUGA MEMPUYAI BANYAK PELUANG UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT.

SEBAHAGIAN DARIPADA KAWASAN TAMAN NEGARA JUGA BOLEH DIMAJUKAN SEBAGAI TUMPUAN PELANCONG DI SAMPING MENAMBAH PELUANG PEKERJAAN, KATANYA KEPADA PEMBERITA PADA AKHIR LAWATAN SEHARI BELIAU KE JAJAHAN INI HARI INI.

BELIAU PUAS HATI DENGAN SKIM-SKIM YANG DIKENDALIKAN OLEH KESEDAR UNTUK MEMAJUKAN KAWASAN ITU TETAPI, MENURUTNYA, BANYAK LAGI RUANG YANG BOLEH DIPERBAIKI.

MENGENAI KEMISKINAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYARANKAN AGAR PENDUDUK MISKIN DIKUMPULKAN DI SEBUAH KAWASAN UNTUK MEMUDAHKAN MEREKA HENDAPAT SEGALA KEMUDAHAN ASAS. -- LAGI

0201MST 25 08 89

R 6133 BAH MEX
MAHATHIR - KESEDAR 2 GUA MUSANG

APABILA DITANYA TENTANG POTENSI PERLOMBONGAN EMAS DI KAWASAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, KEGIATAN ITU MASIH BARU DAN TIDAK SEHARUSNYA DIUSAHAKAN SECARA TERBURU-BURU.

SEKIRANYA BERPOTENSI, USAHA ITU AKAN DAPAT MEMBERI HASIL YANG BAIK KELAK, KATANYA DAN MENAMBAH, PENDUDUK DI KAWASAN INI HARUS SANGGUP BEKERJA DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MENDENGAR TAKLIMAT PEMBANGUNAN OLEH KETUA JAJAHAN GUA MUSANG, HAJI WAN RASHID WAN ISHAK, DAN PENGURUS BESAR KESEDAR, ENCIK KHALID HASSAN, DI IBU PEJABAT KESEDAR DISINI.

SESUDAH ITU, BELIAU MENGADAKAN PERJUMPAAN KHAS DENGAN PARA PEGAWAI KANAN JAJAHAN INI SEBELUM MELAWAT TAPAK PROJEK PERPINDAHAN BANJIR KAMPUNG TIONG DEKAT SINI, DI MANA BELIAU SEMPAT BERBUAL MESRA DENGAN BEBERAPA KELUARGA MANGSA BANJIR TAHUN LEPAS, YANG KINI DIBERI BANTUAN RUMAH.

SEHENTARA ITU, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI, DALAM PROGRAM BERASINGAN, MELAWAT HOSPITAL DAERAH GUA MUSANG DAN MENYAMPAIKAN BANTUAN HAKANAN KEPADA KANAK-KANAK YANG KEKURANGAN ZAT MAKANAN.

DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH JUGA MELAWAT PEJABAT LOMBONGEMAS PERMODALAN KELANTAN BHD, DAN MEREKA YANG TURUT SERTA DALAM LAWATAN ITU IALAH MENTERI BESAR TAN SRI HAJI MOHAMED YAACOB, TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN TENGGU AHMAD RITHAUDDIN, MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN KEMAJUAN WILAYAH DATUK KASITAH GADDAM, DAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMAD. -- BERNAMA
0204MST 25 08 89